

SOALAN LAZIM

1. Apa itu Cukai Pintu ?

Cukai yang dikenakan ke atas pegangan berkadar seperti :-

- bangunan kediaman, perniagaan, perusahaan dan tanah kosong yang terletak di dalam kawasan Majlis Daerah Kerian
- bangunan-bangunan milik kerajaan dan Badan Berkanun juga dikenakan cukai tetapi ia disebut Carum Membantu Kadar

2. Bagaimana Cukai Pintu dikenakan?

Ia dilakukan melalui proses penilaian berpandukan nilai tahunan dan kadar peratus yang diwartakan.

3. Bagaimana boleh memperolehi tempat untuk berniaga di kawasan Tamu ?

Pemohon perlu berurusan di Bahagian Penguatkuasa Pejabat Majlis Daerah Kota Belud pada waktu pejabat atau menemui Pemungut Cukai yang berada di Tamu.

4. Bagaimana Sijil Menduduki Bangunan boleh diperolehi ?

Ia boleh diperolehi dengan syarat :

- a. Pelan-pelan yang lengkap telah diberi kepada Majlis Daerah,
- b. Semua jabatan yang berkaitan telah memberi ulasan yang positif atau pun kehendak jabatan berkaitan telah dipatuhi,
- c. Segala yuran pemprosesan telah dijelaskan,
- d. Tidak ada tunggakan cukai pintu.

5. Bagaimana Sijil Kesihatan boleh diperolehi ?

Ia boleh diperolehi dengan membawa 3 keping gambar dan kad pengenalan pemohon (atau salinan photo) dan kemukakan kepada Bahagian Perkhidmatan Am, Kebersihan dan Kesihatan Majlis Daerah Kota Belud pada waktu pejabat. Bayaran RM 3.00 akan dikenakan ke atas satu permohonan. Pemeriksaan perubatan pertama hendaklah di buat di Hospital Kerajaan dan yuran RM 100 dikenakan. Pemeriksaan kedua dan berikutnya boleh dibuat di Hospital Kerajaan atau klinik swasta.

6. Bagaimana memohon lesen perniagaan ?

Pemohon hendaklah melengkapkan borang lesen perniagaan yang diperolehi dari Pejabat Daerah Kota Belud. Ia kemudian dikemukakan kepada Bahagian Perlesenan Majlis Daerah Kota Belud untuk pemprosesan. Majlis Daerah Kota Belud tidak akan menyokong permohonan lesen yang mana premis perniagaan mempunyai tunggakan cukai pintu dan lesen operasi.